

20/06/2002

Senaraikan perkara dianggap zalim: Hadi

KUALA TERENGGANU, Rabu - Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional (BN) diminta menyenaraikan perkara yang dianggap zalim dalam draf Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang akan dibentangkan Kerajaan Pas Terengganu di Dewan Undangan Negeri, 7 Julai ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata bagi kerajaan negeri draf rang undang-undang jenayah syariah itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Kerajaan negeri juga tidak nampak ada perkara dalam undang-undang itu yang tidak adil dan tidak berlandaskan hukum Islam sebenar seperti yang didakwa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco negeri di Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat akan mengkaji kuasanya untuk menghalang kerajaan Pas Terengganu daripada melaksanakan undang-undang tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat perlu mengkaji kuasa yang ada mengenai perkara itu dan kalau ada kuasa, akan menghalang pelaksanaan atau cadangan membuat undang-undang yang tidak adil, yang bertentangan dengan Islam.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas berkata, kerajaan negeri sudah lama memberi tempoh kepada Umno memberi pandangan mengenai draf rang undang-undang itu, tetapi hingga sekarang masih belum memberikan pandangan menerusi empat wakil Umno dalam dewan.

"Kita akan lihat dulu bagaimana cara Kerajaan Pusat akan menghalang pelaksanaan undang-undang itu dan kita ada cara untuk menghadapi halangan berkenaan.

"Kerajaan negeri masih tidak berganjak dan akan tetap mengemukakan dan meluluskan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) seperti yang dijadualkan.

"Kerajaan negeri menerima secara positif kenyataan Timbalan Perdana Menteri dan Pengerusi Suhakam bahawa Dewan Undangan Negeri Terengganu berhak meluluskan undang-undang itu.

"Kerajaan negeri juga tidak menganggap rang undang itu bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan mengikut tafsiran kita secara positif. Jika ada perkara yang bertentangan, menjadi kewajipan orang Islam yang ada dalam Kerajaan Pusat untuk memindanya bagi membolehkan rang undang-undang itu dilaksanakan," katanya.

(END)